



**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
(Ministry Of Science, Technology and Innovation)
Batu 24, Jalan Dengkil,
43800, Dengkil, Selangor**



6 Februari 2018
Notis Pemberitahuan AELB
Bil. 02/2000 Sem. 2

**PENGAWALAN URANIUM SUSUT (*DEPLETED URANIUM*)
DI BAWAH AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984 (AKTA 304) DAN
KADAR FEE BAGI URANIUM SUSUT**

TUJUAN

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini adalah untuk memaklumkan kepada semua pemegang lesen serta bakal pemegang lesen mengenai pengawalan dan penetapan fee bagi uranium susut di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304).

LATAR BELAKANG

2. Notis Pemberitahuan Bil. 02/2000 Pindaan 1 bertarikh 7 Jun 2000 telah menetapkan mana-mana orang yang ingin berurusan dengan, memiliki atau melupus uranium susut yang bukan dibawa sebagai sebahagian daripada storan atau kelengkapan mana-mana kapal atau pesawat hendaklah mengemukakan permohonan lesen Kelas A bagi tujuan melesenkan uranium susut ini menggunakan borang permohonan lesen LPTA/BP/1 (Bahan Radioaktif). Pada 21 Disember 2016, Jabatan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) juga telah mengeluarkan Notis Pemberitahuan Bil. 2/2016 yang menetapkan penggunaan sepenuhnya perkhidmatan secara atas talian menggunakan sistem eLesen-eSPP bagi semua urusan di bawah Akta 304.

KEPUTUSAN DAN ARAHAN AELB

3. Berikutan keperluan pematuhan terhadap kaedah permohonan lesen secara atas talian, permohonan lesen berkaitan uranium susut hendaklah dikemukakan kepada AELB melalui sistem eLesen-eSPP. AELB memutuskan bahawa uranium susut adalah tertakluk kepada lesen Kelas B iaitu kategori bahan nuklear kerana mengandungi isotop uranium. Sehubungan itu, pemohon atau pemegang lesen hendaklah memohon lesen Kelas B¹ sekiranya berurusan dengan uranium susut. Bagi memastikan maklumat mengenai uranium susut yang dimiliki oleh pemegang lesen sentiasa terkini dan lengkap, pemegang lesen hendaklah mengemaskini maklumat mengenai uranium susut melalui sistem eLesen-eSPP secara terperinci dari masa ke semasa.

4. Di samping itu, jabatan AELB dalam mesyuaratnya pada 26 Oktober 2017 telah menetapkan uranium susut tersebut adalah dikategorikan sebagai bahan punca terkedap Kategori A2 berdasarkan Jadual Pertama, Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Perlindungan Sinaran (Perlesenan) 1986. Sehubungan itu, pemegang lesen adalah tertakluk kepada fee lesen sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Jadual Kelima Fee Lesen Susunan 1, Kategori A2² di bawah Peraturan 15, Peraturan-Peraturan Perlindungan Sinaran (Perlesenan) 1986.

PENGUATKUASAAN ARAHAN

5. Arahan ini berkuatkuasa mulai 1 Mac 2018 bagi permohonan membaharui lesen melibatkan uranium susut bagi pemegang lesen sedia ada. Bagi permohonan lesen baharu melibatkan uranium susut, arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta.

¹ Jabatan AELB akan melakukan pemindahan data di butiran pemilikan uranium susut dari lesen Kelas A ke Kelas B bagi pemegang lesen sedia ada yang dilesenkan bawah lesen kelas A.

² Fee lesen setahun: RM200 untuk punca atau tolok pertama dan RM40 untuk setiap punca atau tolok tambahan

PENUTUP

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan AELB menggunakan alamat di bawah.

Pengarah Bahagian Dasar dan Hubungan Luar

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Batu 24, Jalan Dengkil
43800 Dengkil, Selangor
No. Tel : +603-89225888
E-mel : mnr-customer@aelb.gov.my

No. Faks : +603-89223685
Laman Web : www.aelb.gov.my